



*JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA*

# **LAPORAN LIPUTAN MEDIA**

**13 Mac 2018**

1. Isu Kartel import daging kerbau selesai; Utusan Malaysia

OLEH:

**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT DAN ANTARABANGSA  
BAHAGIAN PERANCANGAN  
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA**

MEDIA CETAK		MEDIA ELEKTRONIK	
<input type="checkbox"/> BERITA HARIAN	<input type="checkbox"/> THE MALAY MAIL	<input type="checkbox"/> BERITA HARIAN	<input type="checkbox"/> THE MALAY MAIL
<input checked="" type="checkbox"/> UTUSAN MALAYSIA	<input type="checkbox"/> THE STAR	<input type="checkbox"/> UTUSAN MALAYSIA	<input type="checkbox"/> THE STAR
<input type="checkbox"/> SINAR HARIAN	<input type="checkbox"/> KOSMO	<input type="checkbox"/> SINAR HARIAN	<input type="checkbox"/> KOSMO
<input type="checkbox"/> HARIAN METRO	<input type="checkbox"/> NEW STRAIT TIME	<input type="checkbox"/> HARIAN METRO	<input type="checkbox"/> NEW STRAIT TIME
<input type="checkbox"/> THE SUN	<input type="checkbox"/> SUNDAY STAR	<input type="checkbox"/> THE SUN	
RUANGAN : Dalam negeri		M/SURAT: <input type="text" value="5"/>	RUANGAN :
PERKARA			
<input type="checkbox"/> DASAR JABATAN	<input checked="" type="checkbox"/> IMPORT EKSPORT	<input type="checkbox"/> SISTEM KUALITI	<input type="checkbox"/> PELBAGAI
<input type="checkbox"/> KESIHATAN AWAM	<input type="checkbox"/> KAWALAN PENYAKIT	<input type="checkbox"/> PENGUATKUASAAN	
<input type="checkbox"/> KEBAJIKAN HAIWAN	<input type="checkbox"/> TEKNOLOGI VETERINAR	<input type="checkbox"/> ADUAN	
TARIKH			
13 Mac 2018			

## Tiada monopoli, semua dapat import daging kerbau

➤ Isu kartel import daging kerbau sejuk beku dari India selesai.

➤ Empat syarikat dari negara itu setuju bekal daging secukupnya ke Malaysia.

➤ Kesemua pengimport akan dapat bekalan masing-masing.

➤ Harga daging di pasaran dijangka lebih berpatutan kerana persaingan.



Saya kira isu ini hampir 99 peratus selesai, sebab kita dah 'pegang' keempat-empat syarikat ini untuk sama-sama menghapuskan isu kartel."



**DATUK SERI TAJUDDIN ABDUL RAHMAN**  
Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani

**BERITA DI MUKA 5**

## Isu kartel import daging kerbau selesai

Oleh SITI AINIZA KAMSARI  
pengarang@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 12 MAC

ISU kartel import daging kerbau sejuk beku dari India selesai apabila empat syarikat yang memiliki tujuh loji penyembelihan haiwan di negara itu bersetuju untuk membekalkan daging kepada kesemua pengimport bekalan tersebut dari negara ini.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Tajuddin Abdul Rahman berkata, hasil mesyuarat hampir dua jam hari ini bersama syarikat-syarikat berkenaan iaitu Amroon, Allana, Al Quresh dan Al Noor masing-masing dari Mumbai dan New Delhi, India memberikan jaminan bahawa kesemua pembekal tanpa mengira saiz syarikat akan men-

dapat bekalan daging masing-masing.

"Saya kira isu ini hampir 99 peratus selesai, sebab kita dah 'pegang' keempat-empat syarikat ini untuk sama-sama menghapuskan isu kartel ini.

"Tidak ada sesiapa yang boleh memonopoli import daging itu kini," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan Mesyuarat Bersama Pengeksport Daging Kerbau dari India di Menara Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) di sini.

*Utusan Malaysia* sebelum ini membangkitkan persoalan mengenai dakwaan wujudnya kartel dalam industri pengimportan ternakan menyebabkan banyak pihak khususnya pemain baharu mengeluh kerana tidak mendapat peluang sepatutnya.

Kini sebanyak 195 syarikat yang telah mendapat kebenaran

mengimport daging sejuk beku dari negara ini akan beroleh faedah daripada penyelesaian isu kartel tersebut.

Tambah Tajuddin, beliau berharap apabila kartel import daging ini dapat dihentikan, permintaan para pengguna dapat dipenuhi sepenuhnya terutama tiba musim perayaan Hari Raya Aidilfitri kelak.

"Maka harga daging akan menjadi lebih berpatutan dan tidak salah juga untuk para peniaga menurunkan harga.

"Namun saya juga berharap dengan terhapusnya kartel ini, kita dapat mengurangkan kes-kes penyeludupan daging di pintu-pintu masuk negara. Kita bukan sahaja sekat daripada berlakunya kartel, malah kita dapat sekat semua aktiviti-aktiviti curi dan seludup daging dari negara jiran," katanya.

